



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

---

S.A. 2014/06/41 (HQ)

### TNB BERTEMU PENGGUNA JOHOR

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** hari ini menganjurkan Program Bersama Komuniti (COP – *Community Outreach Program*) Peringkat Negeri Johor sebagai platform untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terkini operasi harian TNB tempatan.

Program berteraskan interaksi antara TNB dan komuniti serta pemimpin masyarakat tempatan adalah bertujuan mewujudkan hubungan dua hala yang erat selain mendapatkan maklum balas daripada para pengguna dan pemimpin-pemimpin komuniti tempatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan TNB kepada masyarakat.

Program COP yang berlangsung di Dewan Serbaguna Taman Cendana, Pasir Gudang dirasmikan oleh Menteri Besar Johor, Y.A.B Dato' Mohamed Khaled Nordin.

Pengurus Besar Kanan (Operasi Wilayah I), Bahagian Pembahagian TNB, Datuk Ir. Mustafa Din berkata, TNB sentiasa berusaha memastikan gangguan bekalan elektrik dapat dikurangkan seminima mungkin agar kepuasan pengguna dapat dioptimumkan dan tiada pihak yang mengalami kerugian.

Tambah beliau, bagi memastikan bekalan elektrik di seluruh negeri ini adalah berdaya harap, sebanyak RM231 juta bagi menyediakan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang-pencawang bagi memastikan bekalan elektrik adalah sentiasa pada tahap dayaharap yang tinggi. TNB akan terus meningkatkan prestasi pembekalan elektrik agar boleh berdaya saing untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negeri ini.

Sejak diperkenalkan pada 2005, TNB telah melaksanakan 136 program COP di seluruh Semenanjung Malaysia.

**Dikeluarkan di Pasir Gudang, Johor pada 14 Jun 2014**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit (019-266 2296) /*

*Maizatul Nadiah Saadon (017-381 6602)/ Raja Mohd Aman Shah bin Raja Mohd Tahir (019-2168687)*